

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan keberhasilan program bimbingan keusahawanan luar bandar terutamanya di negeri Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan usahawan luar bandar di negeri Terengganu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) banyak tertumpu kepada kawasan yang berada di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Tengah (KETENGAH).
2. KETENGAH memberikan penekanan untuk meningkatkan daya maju usahawan luar bandar melalui pelaksanaan Latihan Pembangunan Keusahawanan dan Latihan Keusahawanan Berperingkat. Latihan-latihan ini adalah bagi memantapkan pentadbiran dan pengurusan perniagaan serta perancangan perniagaan.
3. Selain itu, KETENGAH juga membantu usahawan dalam mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti

NO. SOALAN : 457

pengeluaran hasil produk. Antara bantuan yang diberikan adalah berbentuk bantuan input pertanian dan peralatan ladang, pembersihan kawasan dan penyediaan infrastruktur ladang, bantuan input ternakan unggas dan peralatan menaiktaraf reban/kandang ternakan selain bantuan peralatan serta mesin. Program sokongan bagi tujuan bantuan pembiayaan juga diberikan kepada usahawan luar bandar.

4. Dari segi promosi dan pemasaran, KETENGAH turut membantu usahawan dalam pembangunan produk dari aspek ke arah pensijilan, pembungkusan dan pelabelan. Produk-produk usahawan luar bandar telah mula memasuki pasaran global selain dipelbagaikan kaedah pemasaran termasuk melalui platform atas talian (online).

5. Dalam bidang pertanian pula, penanaman cendawan, sayuran dan tanaman kontan serta buah-buahan telah dilaksanakan oleh usahawan luar bandar. Secara tidak langsung, ianya telah mewujudkan usahawan pemborong hasil pertanian di luar bandar. Mereka telah memainkan peranan dalam memasarkan hasil tersebut. Dianggarkan sebanyak 2 matrik tan hasil pertanian dapat dihasilkan oleh usahawan tani luar bandar pada setiap bulan.

6. Bagi bidang penternakan luar bandar, purata kapasiti pengeluaran hasil ternakan ayam kampung adalah sebanyak 24 matrik tan daging bagi satu pusingan manakala purata kapasiti pengeluaran hasil ternakan ayam pedaging pula mencapai sebanyak 172 matrik tan bagi satu pusingan. Selain itu, purata pengeluaran hasil ternakan puyuh adalah sebanyak 2.3 matrik tan daging bagi satu pusingan. Satu pusingan bermaksud tempoh masa dari hari pertama ternakan sehingga ternakan tersebut dijual atau disembelih.

7. Dengan kapasiti pengeluaran ini, usahawan KETENGAH telah menyumbang sumber protein hasil ternakan ayam kampung sebanyak 11.4% untuk dalam negeri Terengganu dan 0.14% bagi

NO. SOALAN : 457

dalam negara. Manakala bagi sumbangan sumber protein ayam pedaging telah menyumbang sebanyak 26.7% untuk dalam negeri Terengganu dan sebanyak 0.09% untuk dalam negara. Usahawan Ketengah juga menyumbang kepada 80.0% untuk dalam negeri Terengganu dan sebanyak 2.87% untuk dalam negara bagi hasil ternakan puyuh.

8. Melalui pembangunan usahawan luar bandar yang dilaksanakan, didapati bahawa seramai 302 orang iaitu 78% usahawan di Wilayah KETENGAH khususnya telah mendapat pendapatan antara RM1,500.00 hingga RM3,000.00 sebulan, 62 orang iaitu 16% pula berpendapatan lebih daripada RM3,000.00 hingga RM10,000.00 sebulan dan 23 orang iaitu 6% berpendapatan lebih daripada RM10,000.00 sebulan.